

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS  
[ SEPANGGAR ]**

**TARIKH : 26 MAC 2015 (KHAMIS)**

**SOALAN : Datuk Jumat bin Idris minta MENTERI  
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
menyatakan Lembaga Kemajuan Ikan  
Malaysia bercadang untuk membina jeti  
pendaratan ikan di Kg. Kebagu, Kota  
Kinabalu bagi memberi kemudahan  
kepada lebih 1000 orang nelayan yang kini  
tidak mempunyai jeti pendaratan. Adakah  
Kementerian ingin meneruskan pembinaan  
ini dan bilakah ia akan dimulakan.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) tidak mempunyai perancangan untuk membina jeti pendaratan ikan di Kg. Kebagu, Kota Kinabalu disebabkan oleh kekangan peruntukan. Walau bagaimanapun, Kementerian melalui LKIM akan mengemukakan permohonan peruntukan dengan mengambil kira kesediaan tapak atau lokasi terlebih dahulu. LKIM turut akan menjalankan lawatan tapak bagi mengenalpasti kesesuaian lokasi dan saiz jeti yang hendak dibina (kecil atau besar).